



Ruj. Kami: JHEAINS.196(09) BPMS 396/3 Jld. 2 (9)

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
AKTIVITI DI MASJID ATAU SURAU SELURUH NEGERI SEMBILAN  
DALAM BULAN RAMADHAN 1442H/2021M**

**OPERASI MASJID ATAU SURAU  
DALAM BULAN RAMADHAN**

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
Waktu operasi masjid atau surau <b>DIBENARKAN</b> bermula pada pukul 4.00 pagi dan <b>tamat</b> pada pukul 12.00 tengah malam.			

**AMALAN BULAN RAMADHAN**

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
1.	<b>Solat Sunat Tarawih</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Bilangan rakaat yang <b>DIBENARKAN</b> adalah:<ul style="list-style-type: none"><li>a. 8 rakaat serta 3 witir; atau</li><li>b. 10 rakaat serta 3 witir; atau</li><li>c. 20 rakaat serta 3 witir.</li></ul></li><li>ii. <b>DIGALAKKAN</b> membaca ayat atau surah yang pendek; dan</li><li>iii. Tazkirah sebelum, selepas atau antara waktu solat tarawih <b>TIDAK DIBENARKAN</b>.</li></ul>	<b>Imam Bertugas</b>

## JAMUAN SAHUR,IFTAR DAN MOREH

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
1.	<b>Penyediaan jamuan sahur, iftar dan moreh</b>	<p><b>TIDAK DIBENARKAN</b> aktiviti memasak untuk jamuan di masjid atau surau.</p> <p>Sumbangan/infak makanan <b>HENDAKLAH</b> disediakan secara bungkusan dan diedarkan oleh Jawatankuasa dengan mematuhi SOP yang berkuatkuasa.</p>	
2.	<b>Jamuan sahur atau iftar</b>	<p>Jamuan <b>HENDAKLAH</b> disediakan secara bungkusan, disusun atur lebih awal dan <b>DIBENARKAN</b> menjamu selera di tempat yang disediakan mengikut penjarakan fizikal.</p>	<b>Jawatankuasa Masjid, Surau atau Penganjur</b>
3.	<b>Jamuan moreh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jamuan (jika ada) <b>HENDAKLAH</b> disediakan dengan cara <b>bungkusan</b> dan diedarkan oleh Jawatankuasa dengan mematuhi SOP yang berkuatkuasa; dan</li> <li>ii. Jemaah <b>HENDAKLAH</b> bersurai dalam keadaan tenang melalui pintu keluar yang ditetapkan sambil mematuhi penjarakan fizikal.</li> </ul>	

AMALAN SUNAT DAN PROGRAM KOMUNITI			
BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
1.	<b>Qiamullail</b>	Aktiviti <b>qiamullail DIBENARKAN</b> bermula pada pukul 4.00 pagi.	
2.	<b>Tadarus</b>	Aktiviti <b>tadarus</b> berkumpulan <b>DIBENARKAN</b> dengan mematuhi SOP yang berkuatkuasa.	
3.	<b>Iktikaf harian</b>	Amalan <b>iktikaf harian DIBENARKAN</b> sehingga pukul 12.00 tengah malam.	<b>Jemaah Masjid, Surau atau Penganjur</b>
4.	<b>Iktikaf bermalam</b>	Amalan <b>iktikaf bermalam</b> (tidur di masjid atau surau) <b>TIDAK DIBENARKAN</b> .	
5.	<b>Program Komuniti</b>	Program komuniti (penyampaian bantuan, sumbangan, majlis berbuka puasa atau seumpamanya) <b>DIBENARKAN</b> dengan mematuhi SOP yang berkuatkuasa.	

<b>TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA MASJID ATAU SURAU</b>	
1.	Menentukan pintu masuk dan keluar dari ruang solat mengikut kapasiti jemaah dan menyediakan penunjuk arah untuk memudahkan jemaah.
2.	Menyediakan tanda pada saf dalam ruang solat masjid atau surau dengan jarak <b>1.5 meter</b> antara setiap seorang jemaah di hadapan, belakang, kiri dan kanan.
3.	Menyediakan kaunter, alat pemeriksa suhu badan, cecair pembasmi kuman ( <i>hand sanitizer</i> ) dan QR <i>code</i> MySejahtera di kawasan yang sesuai.
4.	<b>DIGALAKKAN</b> menyediakan ruang atau sudut khas bagi mereka yang berumur melebihi 60 tahun untuk melaksanakan solat.
5.	<b>HENDAKLAH</b> membuka tingkap, pintu dan kipas angin untuk membantu aliran udara yang baik serta lancar ketika aktiviti solat dijalankan. Penggunaan penghawa dingin <b>TIDAK DIGALAKKAN</b> kerana ia hanya mengitar semula angin di dalam ruang solat.
6.	Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah jemaah/orang ramai yang ada pada satu-satu masa.
7.	Semua kenderaan <b>BOLEH</b> menggunakan ruang parkir di dalam kawasan masjid atau surau. Walau bagaimanapun, pihak jawatankuasa perlulah mengawal kelancaran pergerakan kenderaan masuk dan keluar.
8.	Memastikan pelaksanaan langkah-langkah kawalan, pemantauan, penguatkuasaan, advokasi dan pencegahan dengan lebih proaktif dan komprehensif.
9.	<b>DISARAN</b> mendapatkan perkhidmatan RELA atau mana-mana kaedah yang difikirkan sesuai untuk mematuhi SOP yang berkuatkuasa.

## TANGGUNGJAWAB JEMAAH/ORANG RAMAI

1.	Jemaah/orang ramai yang <b>DIBENARKAN</b> hadir ke masjid atau surau adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>Warganegara Malaysia;</li> <li>Penduduk Tetap (PR);</li> <li>Lelaki dan wanita dewasa; dan</li> <li>Kanak-kanak (7 tahun dan ke atas) <b>HENDAKLAH</b> di bawah pengawasan ibu bapa/penjaga.</li> </ol>
2.	Jemaah yang disahkan positif Covid-19, atau baru sembuh daripada Covid-19, atau mereka yang dalam kategori <i>Patient Under Investigation</i> (PUI), atau <i>Person Under Surveillance</i> (PUS) <b>DILARANG</b> hadir ke masjid atau surau.
3.	Jemaah yang kurang sihat serta mempunyai gejala Covid-19, <b>DILARANG</b> hadir dan berada di masjid atau surau.
4.	Menggunakan cecair pembasmi kuman ( <i>hand sanitizer</i> ) yang dibawa sendiri atau yang disediakan di pintu masuk dan keluar ruang solat.
5.	<b>SENТИASA</b> memakai pelitup muka ( <i>face mask</i> ) yang dibawa sendiri <b>sepanjang</b> berada di masjid atau surau termasuk ketika mendirikan solat.
6.	<b>TIDAK DIBENARKAN</b> berjabat tangan (bersalaman) atau melakukan penumbuk ( <i>fist bump</i> ) antara satu sama lain ketika berjumpa. Ia boleh digantikan dengan “ <b>salam isyarat</b> ”, iaitu dengan meletakkan tangan di dada sambil mengucapkan salam.
7.	<b>WAJIB</b> berwuduk terlebih dahulu dari rumah masing-masing.
8.	<b>WAJIB</b> membawa sejадah sendiri <b>bersaiz besar (2 kaki x 4 kaki)</b> .
9.	<b>DIGALAKKAN</b> membawa plastik dan membungkus kasut atau selipar, serta dibawa bersama-sama ke tempat solat.
10.	Hadir awal dan terus memenuhi saf kosong di bahagian hadapan ruang solat utama serta kawasan yang disediakan oleh jawatankuasa.
11.	<b>TIDAK DIBENARKAN</b> berpusu-pusu ketika masuk dan keluar.

## **PENGUATKUASAAN**

Mana-mana orang yang melanggar SOP ini akan **DIKENAKAN TINDAKAN** di bawah:

1. Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
2. Akta Polis 1967
3. Seksyen 59 (Mengingkari arahan Pihak Berkuasa Agama) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.
4. Seksyen 109 (Mengingkari perintah yang diisyiharkan oleh penjawat awam) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.
5. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020.

**PENGARAH,**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

Tarikh: 31 Mac 2021